

Pencarian hamba itu terhenti pada halaman yang ke 148, yang tajuknya ;

SHAIKH 'ABD AL QADIR'S ADVISE TO THE SUPPLICANT IN NEED OF HELP yakni NASIHAT SYEIKH 'ABDUL QADIR KEPADA SESIAPA YANG MEMERLUKAN PERTOLONGAN.

Hati hamba amat tertarik dengan topik ini. Oleh kerana Syeikh 'Abdul Qadir r.a. itu bersifat penyayang serta suka membantu orang yang dalam kesusahan, maka beliau tunjukkan cara mana yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang di saat memerlukan pertolongan. Diajarkannya kifiat mendirikan solat hajat yang mana jika diamalkan Insya' Allah akan diperkenankan Allah Ta'ala permintaannya. Tergeraklah hati hamba untuk melaksanakan solat hajat tersebut. Hajat hamba ialah untuk bertemu dengan Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a. itu sendiri. Sebabnya ialah hamba pernah solat hajat di Tanah Suci beberapa kali memohon untuk bertemu dengan Syeikh 'Abdul Qadir r.a. Namun, belumlah juga kesampaian.

Lalu di bulan Ramadhan pada tahun 2002, hamba pun mengamalkan solat hajat yang tersebut selama tiga malam berturut-turut. Sesudah selesai hamba kerjakan solat hajat dengan kifiat yang diajarkan Syeikh r.a. itu, maka lalu tergeraklah di hati hamba untuk menyeru namanya dengan menyebut ' YA! MUHYIDDIN AL JILANI' sebanyak 1,000 kali. Untuk pengetahuan pembaca sekalian, adapun amalan yang hamba lakukan itu tidaklah termasuk dalam kifiat yang Syeikh r.a. ajarkan. Sedemikianlah caranya yang hamba amalkan pada malam pertama dan malam kedua.

Pada malam yang ketiga, sesudah mendirikan solat hajat dan

berdoa hambapun terus menyebut 'YA! MUHYIDDIN AL JILANI'. Belum pun sampai 300 kali rasanya hamba membacanya, secara tiba-tiba saja hamba mendapati diri hamba sudah berada dalam Majlis Ilmu ceramah umum Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a. Hamba melihat Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a. sedang berdiri menyampaikan kuliahnya di atas sebuah mimbar kayu berwarna coklat kehitaman. Agak tinggi juga kedudukan mimbarinya itu jika dibandingkan dengan mimbar-mimbar di rantau kita ini. Hamba lihat puluhan-ribu manusia hadir mendengar kuliahnya, seperti dalam sebuah stadium besar layaknya. Lebih kurang tujuh hasta dari mimbar tersebut yakni pada pihak kanannya terdapat sebuah tiang batu bulat sebesar sepemeluk. Di sebalik tiang batu itulah hamba mendapati diri hamba sedang tercegat berdiri. Perihalnya hamba pada masa itu dalam keadaan tercenggang hairan penuh takjub sambil memerhatikan suasana majlis yang dianjurkan secara besar-besaran itu.

Memandangkan kedudukan tiang batu itu berdekatan dengan mimbar, maka tergeraklah hati hamba untuk pergi mendapatkan Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a. untuk bersalaman dengannya. Dalam pada itu menjelma pula lintasan hati lain mengatakan bahawa perbuatan itu tidak beradab justeru boleh mengganggu kuliah Syeikh r.a. Akan tetapi jika tidak diambil peluang ini maka kapankah lagi muncul peluang sebegini, jawab lintasan yang awal tadi.

Saat hamba sedang melayani dialog hati tersebut, tiba-tiba kedengaranlah suara Syeikh 'Abdul Qadiri al Jilani r.a. yang berkata; “Adapun orang yang baru datang itu, sekiranya hendak bersalaman dulu pun boleh atau hendak terus duduk pun boleh”. Kata-kata Syeikh 'Abdul Qadir r.a. itu tidak lain tidak bukan ditujukan kepada hamba. Tanpa berlengah hamba

pun mengorak langkah menuju ke arah mimbar. Semasa berjalan itu sempat juga mata hamba mencuri pandang kepada Syeikh r.a. yang kelihatan melangkah turun dari mimbarnya. Dalam menyambut kedatangan hamba, Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a. berkata: “Aaa!, ini orang luar biasa”. Tidaklah berdaya hamba untuk membuka mulut walau sepatah kata jua pun bagi membalas kata-katanya itu kerana terasa sangat diri ini terlalu kerdil, bagaikan si anak kecil yang tak berupaya. Dengan tunduk tersipu malu bercampur takut, hambapun bersalaman dengannya. Hamba cium akan tangannya dengan sepuas-puasnya. Kemudian Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a. memeluk hamba di pihak kanan serta kiri dan seterusnya mengucup dahi hamba. Semasa bibirnya yang mulia itu menyentuh dahi hamba yang hina ini, ketika itulah hamba tersentak lalu tersedar. Bagi mensyukuri nikmat kurnian Allah Ta'ala itu hambapun terus mengerjakan sujud syukur. Jelas dan nyatalah keberkesanan solat hajat dengan kifiat yang diajarkan oleh Sultanul Awliya' itu, Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a. Allah Ta'ala jualah yang menjadi saksi atas apa yang hamba sampaikan ini.

Kemudiannya di bulan Ramadhan pada tahun 2016, hati hamba bagai ditarik-tarik untuk menterjemahkan Necklaces of Gems. Untuk itu, mulailah hamba membacanya secara bersungguh-sungguh serta mengamalkan apa yang dibaca sekadar yang termampu. Alhamdulillah, semakin dibaca semakin menarik semakin bertambah kefahamannya sehingga berulang-ulang kali hamba mengkhatakannya. Dalam pada itu, hamba tuliskan terjemahannya sikit demi sedikit sambil terus membaca dan belajar serta cuba mengamalkan.

Bahawa sesungguhnya biograpi Sultanul Awliya' ini laksana Ubat Hati atau Penawar Bagi Hati kepada hamba. Ianya banyak

menyedarkan diri hamba dengan kesedaran yang sesedar-sesedarnya. Sedarlah hamba akan diri bahawa perjalanan ini masih terlalu jauh dalam menuju ke destinasiya. Satu-satunya kitab yang menyentap, mencabut akar-umbi ego diri hamba serta melepaskan hamba dari terus menduduki '**maqam perasan**'. Terasa sungguh diri ini kosong sekosong-kosongnya. Menyedari akan kekosongan diri itu, rupa-rupanya adalah merupakan syarat utama untuk menjadi murid kepada Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a. Kenyataan ini dinyatakan oleh Syeikh r.a. dalam siri kuliahnya yang terhimpun pada kitab Jila al Khatir yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris dengan judul Purification Of The Mind;

" O young man! When you come into my presence, give up your appreciation for your deeds and self admiration. Come in with nothing, as one who is bankrupt. If you have high regard for your deeds and yourself you will be astonished at what I am talking about and you will hate me because I speak the truth and disagree with you. No one hates me other than the enemy of Allah. No one is ignorant of me except one who is ignorant of Allah, given so much talk and little action. The sincere person loves me, whereas the hypocrite hates me. One who follows the Sunnah loves me, whereas one who follows heretical innovations hates me. If you love me, you are the one who will receive the benefits of that. If you hate me, you are the one who will suffer the harm. I pay no attention to the praise and dispraise of the creatures "

Penterjemahan Necklaces of Gems ini hamba lakukan secara terjemahan yang lebih mementingkan kepada 'makna' yang tersirat daripada 'kata-kata' yang tersurat. Hamba bebaskan diri dari mengikuti susunan yang disusun oleh Al Tadifi bagi mengelak pertindihan atau pengulangan, disamping untuk menyesuaikan dengan kehendak para pembaca di akhir zaman ini, Tujuannya agar mudah diikuti dan difahami oleh para salikin dan muridin yang berada dijalan kembang menuju Sang Pencipta.

Ada beberapa tempat yang hamba berikan komentar bagi menyokong fakta yang diutarakan. Komentar hamba itu hamba letakkan tanda kurungan pada awal dan akhirnya. Seperkara lagi mengenai salasilah nasab keturunan di pihak bonda Syeikh 'Abdul Qadir r.a. yang al Tadifi terlepas pandang barangkali. Untuk itu hamba masukkan salasilah bondanya yang hamba naqal dari kitab Sirrul Asrar bagi Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani.

Pastilah kedapatan kesalahan di sana-sini dalam terjemahan ini waima besar atau kecil. Hamba mohon dapatlah sidang pembaca perbetulkan. Yang tak tepat ditepatkan. Yang tak elok diperelokkan. Tak usahlah diaibkan. Janganlah kerana ejaannya yang salah sehingga hendak dinafikan keseluruhan isinya. Tiadalah berdaya hamba untuk menyempurnakannya, justeru diri hamba ini seperti yang dikatakan oleh pepatah ;

*“ Hendak terbang tiada bersayap,
Hendak hinggap tiada berkaki ”.*

Terjemahan Necklaces of Gems yang dalam tatapan sidang pembaca ini sebenarnya merupakan jilid pertama dari beberapa jilid yang bakal menyusul kemudian, Insya' Allah Ta'ala. Sayugia diingatkan kepada para salikin supaya dibaca kitab ini

dalam keadaan berwudhu' serta didahulukan dengan bacaan al Fatihah dan Selawat Nabi s.a.w. serta mengucapkan Salam kepada Syeikh r.a. Sebaik-baiknya kitab ini dibaca secara berulang kali bagi mendapatkan kefahaman yang bertambah serta barakah yang melimpah sehingga turunlah 'Rahmah'.

Justeru Sultanul Awliya', Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a. itu sebagaimana yang dikatakan oleh Ahlullah;

**“ HUWAL AN KAMA KAN”
“ ADAPUN DIA SEKARANG INI ,
SEPERTI DAHULU JUGA ADANYA”**

Wabillahi taufiq wal hidayah

Ana Faqir

Safuan ibn Abu Bakar ibn Mas'ud ibn Hasyim Al Qadiri
3842, Lorong Beringin Batu 17,
Kuang, 48050 Selangor Darul Ehsan.

15 Januari 2018.